

18 NOV 1998

APEC-BERITA-KRISIS/I

G-22 FORUM TEPAT UNTUK BINCANG KRISIS KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perkumpulan negara-negara membangun dan maju G-22 adalah forum yang tepat bagi membincangkan krisis kewangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya satu cadangan untuk mengadakan sidang kemuncak G-22 telah dibincangkan tetapi tidak dimasukkan dalam deklarasi Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang berakhir di sini hari ini.

Beliau memberitahu satu sidang akhbar di sini bahawa menteri-menteri kewangan dan pegawai bank-bank pusat dari negara-negara G-22 akan membincangkan mekanismenya yang kemudiannya akan diambil alih pula oleh pihak berkuasa yang lebih tinggi.

G-22, yang ditubuhkan tahun lalu bagi mengatasi krisis kewangan, merangkumi negara-negara G-7 (Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Itali, Perancis, Jepun dan Kanada) dan negara-negara membangun termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, India, China, Afrika Selatan, Brazil, Argentina, Korea Selatan dan Rusia.

Katanya deklarasi pemimpin-pemimpin Apec itu sudah cukup khusus untuk menumpukan kepada beberapa isu tertentu yang berkaitan dengan Apec.

"Tetapi, kita telah memutuskan bahawa untuk mencapai perkembangan selanjutnya mengenai isu krisis kewangan, kita perlu mencari forum yang boleh mendapat sokongan majoriti negara di dunia," kata Dr Mahathir.

"Itulah sebabnya G-22 dicadangkan penubuhan dan ia akan berkembang dari situ."

Walaupun deklarasi pemimpin tidak menyeru supaya dagangan matawang dikawal selia, katanya semua pemimpin telah mengakui peri pentingnya kawalan selia diwujudkan dan perbincangan mengenai krisis matawang mengisi kebanyakan ruang masa mesyuarat itu.

Sebaliknya, katanya, untuk memastikan segalanya bergerak dalam masyarakat antarabangsa adalah satu perkara lain, ia amat berat dan tidak bergerak dengan cukup pantas.

Dalam pertemuan-pertemuan dua halanya dengan pemimpin-pemimpin lain, Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan bahawa kawalan modal terhadap yang dikenakan oleh Malaysia adalah bertujuan untuk menghalang pedagang matawang daripada memperkotak katikkan ringgit.

-- BERNAMA

THG KY MA